



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 48/2010 (28 November hingga 4 Disember 2010)

Bagi tempoh 28 November hingga 4 Disember 2010, sejumlah 600 kes Demam Denggi dengan 2 kematian telah dilaporkan, penurunan sebanyak 29 kes atau 5% berbanding 629 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah kes mingguan pada tahun ini juga menurun sebanyak 184 kes berbanding jumlah kes yang dilaporkan pada minggu sama tahun 2009 iaitu 784 kes. Walau bagaimana pun terdapat enam (6) buah negeri menunjukkan peningkatan kes pada minggu lepas berbanding minggu sebelumnya iaitu Kelantan meningkat 16 kes, Sarawak 9 kes, Kedah dan Selangor masing-masing 8 kes, Perak 3 kes manakala Terengganu meningkat sebanyak 1 kes. (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes dari bulan Januari hingga 4 Disember 2010 adalah 44,143, peningkatan sebanyak 16% atau 6,081 kes berbanding dengan 38,062 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2009. Kes kematian akibat denggi juga meningkat sebanyak 65% atau 51 kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 130 kematian berbanding 79 dalam tempoh yang sama pada tahun 2009.

Pada minggu lepas, terdapat dua (2) kematian Demam Denggi dilaporkan, iaitu masing-masing dari Terengganu dan P.Pinang. Berikut adalah maklumat mengenai kes-kes kematian tersebut.

Kes pertama melibatkan seorang pelajar lelaki berumur 17 tahun dari Kuala Terengganu, Terengganu. Beliau mula demam dan sakit kepala pada 3 November 2010 dan hanya mendapatkan rawatan 3 hari kemudian (6 November 2010) apabila pesakit dibawa oleh keluarga ke Hospital Sultanah Nurzahirah, K.Terengganu kerana keadaan lemah serta sukar bernafas. Pesakit dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi pada hari yang sama kerana disyaki mengalami jangkitan virus Denggi dalam otak (*Dengue Encephalitis*) serta mengalami *Dengue Shock Syndrome*. Pesakit disahkan menghidap Demam Denggi melalui ujian darah iaitu positif untuk Denggi. Namun selepas mengalami komplikasi akibat Demam Denggi iaitu jangkitan virus Denggi pada otaknya, pesakit meninggal dunia pada 27 November 2010. Kediaman pesakit merupakan kawasan berisiko untuk jangkitan Denggi iaitu lokaliti wabak semenjak 8 Oktober lepas, dimana 5 kes dilaporkan di kawasan tersebut. Hasil pemeriksaan oleh anggota kesihatan mendapati 2 rumah kediaman daripada 44 premis yang diperiksa, mempunyai pembiakan Aedes dan kedua-dua rumah ini telah dikenakan kompaun maksima RM 500. Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan pada 5 November 2010 meliputi kesemua 153 premis di kawasan tersebut dan gotong royong oleh masyarakat juga telah dijalankan pada 1 November 2010.

Kes kedua melibatkan seorang lelaki berusia 60 tahun dari Air Itam, Pulau Pinang. Pesakit mula demam pada 7 November 2010 dan telah dibawa oleh ahli keluarganya ke sebuah klinik swasta pada 8 November 2010 serta dirujuk ke hospital P.Pinang untuk rawatan lanjut, namun pesakit enggan pergi ke hospital. Tiga (3) hari kemudian iaitu pada 11 November 2010, beliau telah di bawa ke Hospital Pulau Pinang dengan ambulan kerana mengalami demam, muntah, keletihan, pening dan

terus dimasukkan ke wad Unit Rawatan Rapi pada hari yang sama dengan diagnosa sebagai Demam Denggi Berdarah. Pesakit meninggal dunia pada 2 Disember 2010 kerana komplikasi Demam Denggi Berdarah. Pemeriksaan Pembiakan *Aedes* di persekitaran kediaman pesakit mendapati 20 daripada 757 bekas yang diperiksa di kawasan lot tanah kosong mempunyai pembiakan. Semburan kabus dilakukan pada 13 November 2010 terhadap 83 dari 100 premis yang ada di kawasan itu. Aktiviti gotong royong oleh masyarakat juga telah dilakukan pada 27 November 2010.

Sejumlah 143 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 18 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas dengan melibatkan sebanyak 268 kes Demam Denggi (Lampiran C). Lokaliti hotspots ini juga masih melaporkan sebanyak 59 kes baru pada minggu tersebut. Lapan (8) atau 44% daripada 18 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi (Lampiran D). Hanya 7 atau 39% daripada 18 lokaliti hotspot sahaja yang menjalankan aktiviti gotong-royong. Bagi mempertingkatkan aktiviti di kawasan hotspots kesemua daerah yang mempunyai hotspots telah mengaktifkan Jawatankuasa Wabak di peringkat Daerah yang dianggotai pegawai-pegawai daripada Majlis Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan pelbagai agensi. Antara aktiviti yang telah dijalankan di kawasan hotspots ialah menubuhkan Program COMBI, mengadakan Operasi Bersepadu termasuk gotong-royong, semburan kabus dan aktiviti penguatkuasan dan menghebahkan situasi Denggi di masjid-masjid.

Bagi Penyakit Chikungunya untuk tempoh 28 November hingga 4 Disember 2010, terdapat 6 kes dilaporkan, peningkatan sebanyak 4 kes berbanding 2 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama minggu

sebelumnya. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 803 kes, penurunan sebanyak 84% atau 4,241 kes berbanding dengan 5,044 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009 (Lampiran B). Terdapat satu lokaliti wabak Chikungunya yang berlaku di daerah Kapit, Sarawak.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

6 Disember 2010

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 48/2010
(28 November hingga 4 Disember 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 48/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 48/2009
		Minggu 48 (28 Nov – 4 Dis 2010)	Minggu 47 (21 – 27 Nov 2010)		
1	Perlis	2	4	204	191
2	Kedah	18	10	729 (3)	716
3	P. Pinang	38 (1)	52 (1)	1,655 (7)	2,297 (1)
4	Perak	30	27	2,150 (6)	2,666 (3)
5	Selangor	186	178	15,730 (43)	17,438 (44)
6	WPKL & Putrajaya	43	61	4,051 (6)	3,491 (8)
7	N. Sembilan	8	12	1,475 (7)	932 (6)
8	Melaka	31	32	1,409 (12)	750 (5)
9	Johor	56	70 (1)	4,187 (11)	2,356 (3)
10	Pahang	48	58	1,522 (4)	854 (2)
11	Terengganu	29	28	1,383 (3)	910
12	Kelantan	44	28	3,487 (11)	982 (1)
13	Sarawak	49 (1)	40 (1)	4,114 (14)	3,400 (3)
14	Sabah	18	29	2,030 (3)	1,055 (3)
15	WP Labuan	0	0	17	24
	MALAYSIA	600 (2)	629 (3)	44,143 (130)	38,062 (79)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 48/2010
(28 November – 4 Disember 2010)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 48/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 48/2009
		Minggu 48 (28 November – 4 Disember 2010)	Minggu 47 (21 – 27 November 2010)		
1	Perlis	0	0	0	35
2	Kedah	0	0	0	784
3	P. Pinang	0	0	6	343
4	Perak	0	0	3	402
5	Selangor	0	0	29	425
6	WPKL & Putrajaya	0	0	1	95
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	1	0	10	157
10	Pahang	0	0	1	71
11	Terengganu	0	0	1	59
12	Kelantan	0	0	2	438
13	Sarawak	5	0	549	2,133
14	Sabah	0	2	191	71
15	WP Labuan	0	0	9	0
	MALAYSIA	6	2	803	5,044

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 48
BAGI TAHUN 2010**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPAJ (GB)	AU2 Taman Keramat (Zon A)	28	67
2	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya Kepong	25	62
3	SELANGOR	Gombak	IPD Gombak	16	55
4	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 6 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	18	52
5	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 3 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	8	49
6	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Ehsan	13	49
7	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Rawang Perdana Fasa 5 Flat	8	38
8	SELANGOR	MPKj (HL)	Taman Putra	7	37
9	SELANGOR	MPKj (HL)	Pandan Indah (Zon C)	6	36
10	WPKL	Setapak	Setapak Jaya (Asrama Sizwazah UTM, Jln Rejang 1-14)	15	58
11	WPKL	Kepong	PPR Pekan Batu	13	42
12	WPKL	Pusat Bandar	Flat Sri Selangor	11	49
13	WPKL	Pusat Bandar	Kg Baru Kaw A (Jln Raja Alang/Jln Abd Rahman Idris)	7	30
14	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	9	40
15	WPKL	Klang Lama	Taman Salak Selatan (Jln Gempita 3 - 7)	8	31
16	JOHOR	MPJBT	Taman. Nusa Printis 1 Jln. Medan	21	44
17	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Peruna,Sg Udang	44	42
18	PAHANG	Kuantan	Felda Bukit Goh	11	33

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 48
BAGI TAHUN 2010
(28 November hingga 4 Disember 2010)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPAJ (GB)	AU2 Taman Keramat (Zon A)	33.3	33
2	JOHOR	MBJBT	Taman Nusa Printis, Jalan Medan	11.9	12
3	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Rawang Perdana Fasa 5 Flat	9.5	10
4	WPKL	Zon Pusat Bandar	Kg Baru Kawasan A (Jalan Raja Alang)	8.0	8
5	PAHANG	Kuantan	Felda Bukit Goh	6.9	7
6	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Peruna, Sg Udang	4.8	5
7	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 6 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	2.0	5
8	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 3 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	1.1	1